BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 12/10/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Khamis, 30 Disember 2010

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
November 2010

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), tidak berubah pada 2.0% pada bulan November. Inflasi pada bulan itu didorong oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*, yang disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam subkategori *ikan dan makanan laut* kesan daripada gangguan pada bekalan ikan akibat musim monsun.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank stabil pada bulan November. Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27%. Kadar deposit runcit juga stabil. Wang secara luas (M3) meningkat sebanyak 8.2% pada bulan November, mencerminkan terutamanya pemberian kredit yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada bulan November disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih rendah. Sebaliknya, pinjaman terkumpul sistem perbankan berkembang sebanyak 13.2% pada bulan itu dengan pinjaman yang lebih tinggi diberikan kepada perniagaan dalam sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*; *perkilangan, harta tanah, pembinaan* dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*. Pinjaman kepada isi rumah juga terus meningkat. Permohonan pinjaman daripada sektor perniagaan dan isi rumah juga kekal pada paras yang tinggi.

Sistem Perbankan: Permodalan kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.4% dan 12.7%. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL), termasuk pinjaman terjejas (impaired loans), terus stabil pada 2% daripada pinjaman bersih. Perlindungan kerugian pinjaman kekal melebihi 90%.


Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan November, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan rakan perdagangan utama Malaysia. Meskipun menambah nilai berbanding dengan euro dan yen Jepun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan renminbi China. Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS adalah sejajar dengan mata wang serantau, dalam keadaan penghindaran risiko yang lebih tinggi berikutan kebimbangan terhadap masalah hutang kerajaan Eropah dan ketegangan geopolitik yang berterusan di Semenanjung Korea. Pada bulan Disember, ringgit mencatat prestasi yang lebih kukuh dengan menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, kecuali yen Jepun dan euro. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM326.7 bilion (bersamaan dengan USD105.9 bilion) pada 15 Disember 2010, memadai untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan ialah 4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
30 Disember 2010


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi tidak berubah pada bulan November

Inflasi




Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen




* Lain-lain termasuk perkhidmatan rekreasi dan hiburan, minuman alkohol dan tembakau, restoran dan hotel, pendidikan, kesihatan, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi, dan pakaian dan kasut

Kadar faedah stabil

Kadar Antara Bank Semalaman Purata




Kadar Antara Bank Purata




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar Deposit Bank Perdagangan




Kadar Pinjaman Bank Perdagangan




Mudah tunai sistem perbankan terus lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan- Deposit




Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pertumbuhan wang secara luas berterusan

M1 dan M3




Penyumbang Utama Pertumbuhan M3




Aktiviti pembiayaan terus giat pada bulan November

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman




Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta




* Tidak termasuk terbitan asing


Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan




Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



NPL Bersih dan Peruntukan




* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

1 Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.


Prestasi ringgit bercampur-campur

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Sept 10		Okt 10		Nov 10	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		57.6	3.2	58.5	11.1	57.6	4.3
M1		213.4	11.5	213.1	11.6	220.0	9.9
M2		1,028.8	8.3	1,035.9	8.4	1,051.4	8.1
M3		1,058.5	8.5	1,065.7	8.4	1,082.1	8.2
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		11.3	10.9	11.7	11.2	8.8	10.8
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		81.2		81.7		81.3	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		87.8		88.4		87.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		53.6	29.6	60.1	20.8	56.0	13.2
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		29.0	23.9	30.4	21.4	30.2	4.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		59.9	10.4	64.8	11.8	64.3	0.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		55.3	11.6	57.1	8.9	57.1	6.3
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.8		14.5		14.4	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.1		2.0		2.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		310.7		324.9		326.4	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		100.7		105.3		105.8	
Bilangan bulan import tertangguh		8.4		8.7		8.8	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.75		2.75		2.75	
Antara bank:	Semalaman	2.73 [2.71]		2.74 [2.74]		2.73 [2.73]	
	1 minggu	2.76 [2.77]		2.77 [2.76]		2.76 [2.76]	
	1 bulan	2.81 [2.81]		2.78 [2.81]		2.79 [2.79]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.71		2.71		2.71	
	3 bulan	2.73		2.73		2.74	
BLR bank perdagangan		6.27		6.27		6.27	
ALR bank perdagangan		5.19		4.99		4.99	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		114.4	1.8	114.7	2.0	115.0	2.0

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my